

TARIKH : 26 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### Kadar inflasi diunjur kekal tinggi

# Kadar inflasi diunjur kekal tinggi

Harga makanan terus meningkat turut pengaruhi keadaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Kadar inflasi negara tahun ini dijangka naik antara 3.3 hingga 3.5 peratus berbanding 2.5 peratus tahun lalu, demikian mengikut Affin Hwang Investment Bank.

Menurut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikan semalam, pihaknya percaya tekanan inflasi negara terus meningkat berikutan tekanan harga makanan yang tinggi dalam jangka masa terdekat, namun kadar peningkatannya mungkin lebih rendah.

Katanya, dari segi pengeluaran, harga pengeluar indeks (PPI), ukuran inflasi pada peringkat pengeluar/pengilang, bertambah baik kepada kadar pertumbuhan 6.8 peratus tahun ke tahun pada Ogos daripada 7.6-peratus pada Julai.

"PPI merekodkan arah aliran menurun untuk bulan ketiga ber-

turut-turut bagi asas bulan ke bulan, menunjukkan kemungkinan keleagaan kepada tekanan inflasi daripada pengeluar kepada pengguna.

"Kami menjangkakan inflasi utama negara pada purata antara 3.3 peratus kepada 3.5 peratus tahun ini (2.5 peratus pada 2021), berbanding unjuran rasmi antara 2.2 hingga 3.2 peratus," katanya.

**Kenaikan kadar terkawal**  
Dari segi dasar monetari, pihaknya percaya sebarang kenaikan kadar dasar pada masa hadapan akan dilakukan secara terkawal dan berperingkat.

"Dengan panduan awal dari pada kenyataan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengenai dasar monetari yang akomodatif, selepas menaikkan kadar sebanyak 75 mata asas daripada 1.75 peratus kepada 2.5 peratus pada tiga mesyuarat sebelum ini, kami percaya BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 2.5 peratus pada mesyuarat MPC pada 3 November ini.

"Bagaimanapun, kami melihat kemungkinan dua lagi kenaikan kadar 25 mata asas kepada 3 peratus pada dua mesyuarat pertama MPC 2023, sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi

domestik walaupun risiko kemelesetan global meningkat," katanya.

Sementara itu penganalisis TA Securities, Shazma Juliana Abu Bakar dan Farid Burhanuddin dalam nota penyelidikan mereka berkata, ringgit yang kian lemah dan harga komoditi global tinggi berlakunya kepada tekanan inflasi Malaysia melalui inflasi import makanan yang lebih tinggi.

"Kami percaya ketika kita me-langkah ke suku keempat dan seterusnya, trend menurun sedikit dalam harga komoditi global dan inflasi makanan serantau yang perlahan boleh mengurangkan tekanan inflasi Malaysia," katanya.